	TP6	Merumuskan adab kepada ibu bapa dan keluarga serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah	117		
Tahap Penguasaan Pelajaran 26	TP 1 ☐	TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			
27 SANTUNI JIRANMU	TP2	Menerangkan adab berjiran	120		
	TP3	Mengaplikasikan adab berjiran	120		
	TP4	Menganalisis adab berjiran serta mengamalkannya	121		
	TP5	Menilai adab berjiran serta mengamalkannya secara beradab	121		
	TP6	Merumuskan adab berjiran serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah	121		
Tahap Penguasaan Pelajaran 27	TP 1 ☐	TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			
28 MASJID DESTINASIKU	TP3	Mengaplikasikan adab di masjid	124		
	TP4	Menganalisis adab di masjid serta mengamalkannya	125		
	TP5	Menilai adab di masjid serta mengamalkannya secara beradab	125		
	TP6	Merumuskan adab di masjid serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah	125		
Tahap Penguasaan Pelajaran 28	TP 1 ☐	TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bidang Al-Quran

NOTA PECUT

Pelajaran 1 Allah SWT Pengurnia Hidayah

Inti Sari Ayat

- Dalam ayat 8, surah ali-'Imran, Allah SWT menyeru kepada hamba-Nya agar memohon doa agar ditetapkan hati dalam hidayah.
- Hidayah adalah milik Allah SWT yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.
- Allah SWT memberikan hidayah dan rahmat kepada hamba-Nya agar mereka terus kekal dalam keimanan namun tiada jaminan seseorang itu kekal berada dalam hidayah Allah SWT kerana mereka boleh berada dalam landasan keimanan.

Pengertian Hidayah dan Rahmat

- **Hidayah** dari segi bahasa ialah petunjuk. Dari segi istilah hidayah ialah petunjuk Allah SWT ke arah kebenaran.
- Hanya Allah SWT yang berkuasa memberi hidayah kepada seseorang kerana manusia tidak berkuasa memberi hidayah kepada seseorang walaupun telah berusaha dan benar-benar menghendakinya.
- Manakala maksud **rahmat** dari segi bahasa ialah belas kasihan. Dari segi istilah pula ialah segala kebaikan yang Allah SWT kurniakan kepada manusia.
- Rahmat Allah SWT sangat banyak dan tidak terhitung banyaknya. Antaranya adalah tubuh badan yang sihat, minda yang cerdas dan jiwa yang bersih.

Ciri-ciri Orang yang Mendapat Hidayah Allah SWT

- Tabah dan sabar menghadapi cabaran hidup.
- Berfikiran terbuka dan berpandangan jauh.
- Senang menerima kebenaran.
- Hidup dalam keadaan tenang dan gembira.

Pelajaran 2 Hanya Allah SWT yang Maha Esa

Inti Sari Ayat

- Allah SWT menegaskan keesaan, keagungan dan kebijaksanaan-Nya kepada seluruh makhluk.
- Para malaikat dan orang berilmu mengakui keesaan, keagungan dan kebijaksanaan Allah SWT.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pelajaran 3

Luasnya Kuasa Allah SWT

Inti Sari Ayat

- Allah SWT ialah Tuhan yang mempunyai kuasa mutlak ke atas alam ini termasuk manusia.
- Allah SWT berkuasa memberi dan mencabut kuasa pemerintahan, memuliakan dan menghina manusia, menjadikan malam dan siang silih berganti serta menghidup dan mematikan makhluk.

Sebab-sebab Kemuliaan dan Kehinaan

1. Sebab-sebab kemuliaan seseorang:
- Beriman dan bertakwa kepada Allah.
- Berdoa dan bertawakal.
- Istiqamah dan bersungguh-sungguh ke arah kebaikan.
- Menjaga hubungan baik sesama manusia.

2. Sebab-sebab kehinaan seseorang:
- Tidak melaksanakan perintah Allah.
- Melanggar larangan Allah.
- Tidak menjaga hubungan baik sesama manusia.
- Malas berusaha dan tidak mahu berubah.

Proses Kejadian Manusia

Penyantuman atau pencampuran benih dari lelaki dan wanita. → Penanaman Alaqah pada dinding rahim. → Kejadian bentuk manusia bermula seperti seketul daging. → Pembentukan tulang seterusnya otot. → Pembentukan tulang yang sempurna. → Lembaga lengkap dan ditiupkan roh.

Pelajaran 4

Mudahnya Tajwid



- **Nun sakinah** ialah huruf nun yang tidak berbaris atau dikenali juga sebagai nun mati.
- Manakala **tanwin** ialah baris dua, iaitu baris dua di atas, di bawah atau di hadapan.

- **Mim sakinah** atau mim mati ialah huruf mim yang tidak berbaris sama ada baris atas, bawah atau hadapan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pelajaran 5

Manisnya Persaudaraan

- Maksud berpegang dengan tali Allah ialah berpegang kepada agama Islam dengan menjadikan al-Quran dan sunah sebagai rujukan dan panduan hidup.

Cara-cara Mengukuhkan Persaudaraan

Hati	• Tidak mempunyai kepentingan melainkan mentaati perintah Allah dan rasul. • Menjaga perasaan orang lain dengan bersangka baik kepadanya.
Lisan	• Memberi dan menjawab salam ketika bertemu dan hendak berpisah. • Bertanya khabar dan bertegur sapa ketika bertemu seseorang.
Perbuatan	• Memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. • Menunaikan solat secara berjemaah.

Hikmah Persaudaraan dalam Islam

Kepada individu	• Dapat memupuk rasa perpaduan dan kasih sayang terhadap keluarga dan semua Muslim. • Memberi ketenangan jiwa.
Kepada keluarga	• Dapat membentuk keluarga bahagia kerana ahli keluarga saling menghormati. • Mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan keluarga.
Kepada masyarakat dan negara	• Wujud masyarakat yang bersatu padu kerana saling menjaga hati dan perasaan orang lain. • Membentuk perpaduan dalam masyarakat.

Pelajaran 6

Mengharap Keampunan Allah SWT

- Taubat bermaksud kembali mentaati Allah setelah melakukan maksiat atau dosa.
- Antara cara-cara untuk menjadi orang yang bertakwa adalah melalui:
  - Memohon ampun.
  - Menafkahkan harta.
  - Menahan kemarahan.
  - Memaafkan.

Kesan Orang yang Bertaubat

Individu	• Hati menjadi tenang dan tenteram. • Memperolehi kejernihan dan kesucian jiwa. • Meningkatkan keimanan dan ketakwaan.
Masyarakat	• Anggota masyarakat tidak mementingkan diri. • Masyarakat suka melakukan kebajikan.
Negara	• Syariat Islam dapat dilaksanakan. • Gejala negatif dapat dibendung.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pelajaran 7

Kesantunan Dakwah Rasulullah SAW

Inti Sari Ayat

- Dalam ayat tersebut Allah menyarankan kepada Rasulullah SAW agar memaafkan orang lain, memohon keampunan bagi mereka dan bermesyuarat dalam urusan.
- Kemudian jika telah berazam, iaitu mempunyai keinginan yang kuat untuk melakukan sesuatu maka bertawakallah kepada Allah SWT. Itulah sifat yang Allah SWT sukai. Maka si pelaku disayangi-Nya.

Tuntutan Mencontohi Sifat-sifat Rasulullah SAW

- Rasulullah SAW bersifat lemah lembut dalam pertuturan, pergaulan dan tindakan.
- Baginda sentiasa menggunakan tutur kata yang baik dan intonasi suara yang sesuai walaupun ketika berada di pasar.
- Rasulullah SAW sentiasa berazam dan bertawakal apabila melakukan sesuatu pekerjaan.
- Rasulullah SAW amat prihatin terhadap masa hadapan umatnya.
- Ketika membuat keputusan penting yang tidak ada ketetapan daripada al-Quran, Rasulullah SAW selalu bermesyuarat dengan para sahabat.
- Rasulullah SAW selalu memaafkan kesalahan yang dilakukan terhadap baginda.
- Baginda tidak menyimpan perasaan dendam kepada orang yang menghalang dakwahnya.

Pengajaran Ayat

- Kita hendaklah mencontohi dakwah Rasulullah SAW kerana baginda contoh ikutan yang terbaik agar misi dakwah berjaya.
- Kita hendaklah bermesyuarat apabila menghadapi sesuatu masalah bagi mendapat keputusan yang terbaik.

Pelajaran 8

Amanah terhadap Harta dan Nyawa

- Harta dan nyawa adalah rahmat daripada Allah SWT. Kita hendaklah menggunakannya untuk menjalankan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi.
- Hukum mengambil harta orang lain secara batil dan membinasakan diri sendiri dan orang lain adalah haram.
- Harta dan nyawa adalah rahmat daripada Allah SWT.
- Dalam konteks menjaga nyawa pula adalah menjadi kewajipan orang yang beriman untuk menjaga keselamatan dirinya dan keselamatan nyawa orang lain.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pelajaran **1**

Allah SWT Pengurnia Hidayah

Buku Teks ms. 2

1.10.1 Baca Potongan Ayat dengan Betul, Lancar serta Bertajwid

1. Baca ayat di bawah dengan betul, lancar dan bertajwid. TP 1

SP 1.10.1

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ ﴿٨﴾

(Surah ali-'Imran: 8)

2. Lengkapkan ayat 8, surah ali-'Imran di bawah dengan potongan ayat yang betul. TP 2

SP 1.10.1

لَنَا	تُزِغْ	وَعَلَيْهَا	إِنَّكَ
طَاقَةَ	مَوْلَىٰنَا	هَدَيْتَنَا	ٱلَّذِينَ

رَبَّنَا لَا (a) تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ (b) هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً ۚ

(c) إِنَّكَ ٱلْوَهَّابُ ﴿٨﴾

(Surah ali-'Imran: 8)

3. Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang disediakan supaya menjadi ayat yang lengkap mengikut tertib seperti di dalam al-Quran.
Anda dikehendaki menulis nombor jawapan sahaja. TP 3

SP 1.10.1

1	2	3	4	5	6
وَهَبْ لَنَا	رَحْمَةً ۚ	فَإِن	قُلُوبَنَا	وَهُوَ رَبُّ	أَنتَ

رَبَّنَا لَا تُزِغْ (a) 4 بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا (b) 1 مِن لَّدُنكَ (c) 2

إِنَّكَ (d) 6 ٱلْوَهَّابُ ﴿٨﴾

(Surah ali-'Imran: 8)

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 3

1.10.2 Inti Sari Ayat

4. Jelaskan inti sari daripada ayat 8, surah ali-'Imran. TP 4

SP 1.10.2

eP+ NOTA

(a) Hidayah merupakan tanda rahmat dan kasih sayang-Nya

(b) Allah SWT meneguhkan hati Mukmin dalam keimanan sebagai tanda rahmat dan kasih sayang-Nya

(c) Allah SWT akan memberikan hidayah kepada hamba-Nya yang terpilih

(d) Umat Islam tidak dijamin sentiasa berada dalam landasan hidayah Allah SWT

Buku Teks ms. 3

1.10.3 Hafaz dengan Betul, Lancar dan Bertajwid

5. Hafaz potongan ayat di bawah. Kemudian, susun semula potongan ayat al-Quran di bawah menjadi ayat yang lengkap. TP 5

SP 1.10.3

KBAT Menilai

إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ	1
رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا	2
وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً	3

(a) 2

(b) 3

(c) 1

6. Lakukan aktiviti di bawah.

KUIZ GAMIFIKASI

Pelajaran 1

Aktiviti

PAK-21 KBAT Menganalisis TP 6

(a) Murid membuat aktiviti dalam kumpulan.
(b) Guru memberikan tajuk "Inti Sari ayat 8, surah ali-'Imran".
(c) Murid berbincang tentang topik yang diberikan.
(d) Hasil dapatan perlu dibentangkan di hadapan kelas dalam bentuk peta minda untuk penilaian.

Tahap Penguasaan Pelajaran 1 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 1

Bahagian A

1. Semua umat Islam hendaklah berdoa agar diberikan _____ daripada Allah SWT.

Buku Teks ms. 3

A hidup
B duit
C rezeki
D hidayah

Aras R Mengingat

2. Allah SWT berkehendak memberi hidayah kepada sesiapa sahaja kerana hidayah adalah milik _____ Allah SWT.

Buku Teks ms. 3

A kekal
B mutlak
C kehidupan
D terpelihara

Aras R Mengingat

1. (a) Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang disediakan supaya menjadi ayat yang lengkap mengikut tertib seperti di dalam al-Quran.
Anda dikehendaki menulis nombor jawapan sahaja.

Buku Teks ms. 2

1	2	3	4	5	6
بَعْدَ إِذْ	ٱلْوَهَّابُ	قُلُوبَنَا	رَبَّنَا	أَنتَ	لَّدُنكَ

(i) 4 لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا (ii) 1 هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن (iii) 6 رَحْمَةً

(iv) إِنَّكَ أَنتَ 2 ﴿٨﴾

(Surah ali-'Imran: 8)

Aras S Memahami [3 *markah*]

(b) Susun semula potongan ayat al-Quran di bawah mengikut tertibnya seperti di dalam al-Quran.
Anda dikehendaki menulis nombor potongan ayat sahaja.

Buku Teks ms. 2

وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً	1
رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا	2
إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ	3

(Surah ali-'Imran : 8)

Jawapan:

(i) 2 (ii) 1 (iii) 3

Aras R Mengingat [3 *markah*]

(c) Tulis semula perkataan bergaris di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

Cari hidayah dengan orang <u>sekeliling</u> yang dapat membantu supaya tidak berada dalam takuk yang lama. <u>Bersahabat</u> juga dengan orang yang dapat memberikan <u>kebaikan</u> dan sering <u>menasihati</u> serta mengingatkan kita kepada Allah SWT.

سكليليغ، برصحابت، كباءيقن، منصيحتي

Aras S Mengaplikasi [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pelajaran **12**

Ketaatan Malaikat

Buku Teks ms. 75

3.6.1 Maksud Beriman kepada Malaikat

1. Jelaskan maksud beriman kepada malaikat. **TP 1**

SP 3.6.1

CETUS IDEA

Beriman kepada malaikat bermaksud mempercayai malaikat ialah makhluk Allah yang dijadikan daripada nur (cahaya). Malaikat taat kepada perintah Allah dan tidak pernah melanggar larangan-Nya.

Buku Teks ms. 76

3.6.3 Nama-nama Malaikat Berserta Tugas

2. Nyatakan tugas-tugas khusus para malaikat di bawah. **TP 2**

SP 3.6.3

(a)	Jibrail	Menyampaikan wahyu kepada para rasul.
(b)	Mikail	Mengurus rezeki, menurunkan hujan dan menumbuhkan tanaman.
(c)	Izrail	Mencabut nyawa setiap makhluk yang bernyawa.
(d)	Ridwan	Menjaga syurga.
(e)	Malik	Menjaga neraka.
(f)	Raqib	Mencatat amalan baik setiap manusia.
(g)	Atid	Mencatat amalan jahat setiap manusia.
(h)	Munkar	Menyoal orang mati di dalam kubur.
(i)	Nakir	Menyoal orang mati di dalam kubur.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 77

3.6.4 Perbandingan antara Malaikat dengan Manusia

3. Terangkan perbandingan antara malaikat dengan manusia dari aspek berikut. **TP 3**

SP 3.6.4
KBAT Menganalisis

Malaikat	Aspek	Manusia
(a) Dicipta daripada cahaya (b) Tidak berjantina	**Fizikal**	(c) Dicipta daripada tanah (Nabi Adam a.s) dan air mani (d) Berjantina
(e) Tidak bernafsu (f) Tidak makan dan minum	**Sifat**	(g) Bernafsu seperti kahwin (h) Makan dan minum
(i) Sentiasa taat (j) Menjalankan tanggungjawab tanpa balasan pahala	**Tanggungjawab**	(k) Ada yang taat dan ada yang ingkar kepada perintah Allah SWT (l) Mendapat pahala dan dosa bagi setiap tindakan

Buku Teks ms. 78

3.6.5 Hikmah Beriman kepada Malaikat

4. Jelaskan hikmah beriman kepada malaikat. **TP 4**

SP 3.6.5

Hikmah beriman kepada malaikat

(a) Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT kerana menyedari kehebatan-Nya menciptakan malaikat.

(b) Menggalakkan seseorang supaya sentiasa memperbanyak amal soleh kerana yakin bahawa malaikat mencatat segala amalan baik.

(c) Menjadikan seseorang sentiasa berwaspada kerana setiap amalan yang dilakukan akan dicatat oleh malaikat.

(d) Membentuk peribadi Muslim yang sejati dengan cara melakukan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

5. Lakukan aktiviti di bawah.

Aktiviti

PAK-21 KBAT Menganalisis **TP 6**

(a) Murid membuat aktiviti dalam kumpulan.
(b) Guru memberikan tajuk "Dalil Naqli Kewajipan Beriman kepada Malaikat".
(c) Murid diberikan tempoh masa tertentu untuk mencari jawapan.
(d) Setelah masa tamat, murid diminta untuk memilih pasangan dan berkongsi jawapan bersama-sama pasangan.
(e) Murid diminta untuk berkongsi jawapan dengan rakan sekelas yang lain.

KUIZ GAMIFIKASI
Pelajaran 12

Tahap Penguasaan Pelajaran 12 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 12

Bahagian A

1. Beriman kepada malaikat bermaksud yakin bahawa malaikat merupakan makhluk Allah yang dijadikan daripada _____.

Buku Teks ms. 75

A tanah **C** pasir
B api **D** cahaya

Aras S Memahami

2. Tugas malaikat Mikail ialah mengurus _____, menurunkan hujan dan menumbuhkan tanaman.

Buku Teks ms. 76

A makanan **C** nikmat
B rezeki **D** harta

Aras R Mengingat

3. Tugas malaikat Ridwan ialah menjaga _____.

Buku Teks ms. 76

A rumah **C** syurga
B tanaman **D** taman

Aras R Mengingat

4. Berikut merupakan tugas lain malaikat kecuali _____.

Buku Teks ms. 76

A menghamparkan sayap kepada orang yang menuntut ilmu
B menanggung arasy
C terbang di langit
D sentiasa bertasbih kepada Allah SWT

Aras T Menilai

5. Tugas malaikat _____ ialah mencatat amalan baik manusia manakala malaikat Atid mencatat amalan jahat manusia.

Buku Teks ms. 76

A Izrail **C** Mikail
B Raqib **D** Jibrail

Aras R Mengingat

6. Malaikat menjalankan tanggungjawab tanpa balasan _____.

Buku Teks ms. 77

A kebaikan **C** pahala
B keburukan **D** ganjaran

Aras R Mengingat

7. Pilih padanan yang betul mengenai tugas malaikat berikut.

Buku Teks ms. 76

A	Jibrail	Mencabut nyawa semua makhluk yang bernyawa
B	Israfil	Ketua semua malaikat
C	Izrail	Menyoal orang yang telah meninggal dunia
D	Malik	Menjaga neraka

Aras R Mengingat

8. Keimanan kepada malaikat dapat membentuk _____ Muslim yang sejati dengan cara melakukan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.

Buku Teks ms. 78

A jati diri **C** cerminan
B peribadi **D** personaliti

Aras R Mengingat

Bahagian C

1. (a) Tulis (Malaikat) bagi pernyataan yang berkaitan dengan sifat malaikat dan tulis (Manusia) bagi pernyataan yang berkaitan dengan sifat manusia.

Buku Teks ms. 77

(i) Tidak berjantina. — Malaikat

(ii) Makan dan minum. — Manusia

(iii) Bernafsu seperti kahwin. — Manusia

(iv) Sentiasa taat kepada Allah SWT. — Malaikat

Aras R Mengingat [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

Buku Teks ms. 75

(i) Malaikat merupakan makhluk yang dicipta daripada (tanah / cahaya).

(ii) Malaikat (Jibrail / Israfil) ditugaskan untuk menyampaikan wahyu kepada para rasul.

(iii) Salah satu sifat manusia ialah (bernafsu / tidak bernafsu).

(iv) (Malaikat / Manusia) menjalankan tanggungjawab tanpa mengharapkan balasan pahala.

Aras R Memahami [4 *markah*]

(c) Nyatakan maksud beriman kepada malaikat.

Buku Teks ms. 76

Yakin bahawa malaikat merupakan makhluk Allah SWT yang dijadikan daripada cahaya.

Aras S Memahami [2 *markah*]

(d) Malaikat merupakan makhluk yang sangat taat kepada Allah SWT.
Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mencontohi kepatuhan malaikat kepada Allah SWT?

Saya akan mencontohi kepatuhan malaikat kepada Allah dengan mematuhi segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Sebagai contoh, saya akan sentiasa menunaikan solat fardu lima waktu dan menjauhi perbuatan maksiat. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa taat kepada Allah sepertimana malaikat yang sentiasa mematuhi suruhan Allah SWT.

Aras T Menganalisis [4 *markah*]

(e) (i) Nyatakan tugas malaikat Malik.

Buku Teks ms. 76

Menjaga neraka.

Aras S Memahami [2 *markah*]

Faizal mendapati rakannya, Roslan sering melakukan perbuatan buli siber di media sosial secara rahsia dengan menggunakan akaun palsu. Apabila ditegur, Roslan memberikan alasan bahawa tiada siapa yang mengenalinya di alam maya tersebut.

(ii) Berdasarkan situasi di atas, bagaimanakah konsep beriman kepada malaikat dapat mengubah sikap Roslan? Huraikan hujah anda.

Roslan perlu sedar bahawa malaikat sentiasa mencatat segala amalan manusia tanpa tertinggal sedikit pun. Walaupun identitinya terselindung daripada pandangan manusia di alam maya, namun perbuatan tersebut tidak terlepas daripada pengawasan malaikat. Perkara ini akan menimbulkan rasa tidak takut dan malu dalam diri Roslan untuk terus menyakiti orang lain melalui buli siber. Kesimpulannya, keimanan yang sebenar kepada malaikat akan melahirkan individu yang sentiasa menjaga lisan dan jari daripada melakukan dosa.

Aras T Menganalisis [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pelajaran 23 Wanita Suri Teladan Umat

Buku Teks ms. 175 – 180

5.7.1 Riwayat Hidup Tokoh Wanita Islam

eP+ NOTA A, B, C, D

1. Lengkapkan ruang kosong berikut berkaitan dengan tokoh wanita Islam. TP 2

SP 5.7.1

Perkara/Tokoh	(i) Nama sebenar	(ii) Perkahwinan	(iii) Kewafatan	(iv) Gelaran
(a) Sayidatina Khadijah r.a.	Khadijah binti Khuwailid	Berkahwin dengan Rasulullah SAW pada usia 40 tahun	Tahun kesepuluh kerasulan pada usia 65 tahun	Al-Tahirah
(b) Sayidatina Aisyah r.a.	Aisyah binti Abu Bakar	Berkahwin dengan Rasulullah SAW pada bulan Syawal	Tahun 58 Hijrah pada usia 67 tahun	Al-Siddiqah, Al-Humairah
(c) Sayidatina Fatimah r.a.	Fatimah binti Muhammad SAW	Berkahwin dengan Sayidina Ali r.a.	Enam bulan selepas kewafatan Rasulullah SAW pada usia 28 tahun	Al-Zahrah
(d) Sayidatina Sumayyah r.a.	Sumayyah binti Hubbat	Berkahwin dengan Yasir bin Amir	Disula dengan tombak oleh Abu Jahal	–

Buku Teks ms. 175 – 181

5.7.2 Sifat-sifat Utama Tokoh Wanita Islam

2. Jelaskan sifat utama yang dimiliki oleh tokoh wanita Islam berikut. TP 3

SP 5.7.2

(a) Sayidatina Khadijah r.a.:

Seorang yang dermawan.

(b) Sayidatina Aisyah r.a.:

Seorang yang cerdas dan pintar.

(c) Sayidatina Fatimah r.a.:

Seorang yang kasih dan taat kepada ayahandanya.

(d) Sayidatina Sumayyah r.a.:

Seorang yang penyabar dan berani menegakkan kebenaran.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 178 – 181

5.7.3 Sumbangan Tokoh Wanita Islam dalam Menegakkan Dakwah Islamiah

3. Terangkan sumbangan tokoh wanita Islam di bawah dalam menegakkan dakwah Islamiah. TP 4

SP 5.7.3

KBAT Menganalisis

(a) Sayidatina Khadijah r.a.:
Membelanjakan kesemua hartanya untuk Islam.

(c) Sayidatina Fatimah r.a.:
Berjaya mendidik anak-anaknya menjadi Muslim yang soleh.

(b) Sayidatina Aisyah r.a.:
Meriwayatkan tidak kurang 2210 hadis Rasulullah SAW dalam pelbagai bidang.

(d) Sayidatina Sumayyah r.a.:
Menjadi contoh dalam mempertahankan agama Islam.

Buku Teks ms. 176 – 181

5.7.4 Iktibar daripada Perjuangan Tokoh Wanita Islam

4. Huraikan iktibar daripada perjuangan tokoh wanita Islam. TP 5

SP 5.7.4

Iktibar yang boleh diambil

(a) Mendermakan harta di jalan Allah SWT.

(b) Bersabar dan berdoa serta berserah diri kepada Allah SWT.

(c) Menjadi anak yang soleh dan solehah.

(d) Tegas menegakkan kebenaran.

(e) Belajar bersungguh-sungguh sehingga menjadi pakar.

(f) Berkhidmat kepada ibu bapa di rumah.

(g) Menghargai akidah dan iman.

5. Lakukan aktiviti di bawah.

Aktiviti

PAK-21 KBAT Mencipta TP 6

(a) Murid membuat aktiviti dalam kumpulan.
(b) Guru memberikan tajuk "Tokoh Wanita Islam".
(c) Murid memilih salah seorang tokoh wanita Islam kemudian berbincang tentang topik yang diberikan.
(d) Setiap kumpulan perlu membuat persembahan dalam bentuk buku skrap di hadapan kelas berkenaan topik tersebut.

KBAT EKSTRA

Bidang Sirah dan Tamadun Islam

KUIZ GAMIFIKASI

Pelajaran 23

Tahap Penguasaan Pelajaran 23 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 23

Bahagian A

1. Buku Teks ms. 177
Sayidatina Aisyah r.a. menjadi tempat _____ para sahabat dan umat Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW terutamanya dalam hal kewanitaan dan kekeluargaan.

A bacaan
B hafalan
C soalan
D rujukan

Aras R Mengingat

2. Buku Teks ms. 176
Berikut merupakan iktibar daripada ketokohan Sayidatina Khadijah r.a., kecuali

A bertindak tanpa berfikir
B bertindak dengan bijak
C suka membantu
D mendermakan harta ke jalan Allah

Aras S Memahami

Bahagian E

1. (a) Buku Teks ms. 175
Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Riwayat hidup Sayidatina Aisyah r.a.

(i) Nama sebenar:	(ii) Keturunan:	(iii) Kewafatan:
Aisyah binti Abu Bakar	Bangsawan Quraisy dari suku kaum Bani Taimi	Tahun 58 Hijrah pada usia 67 tahun

Aras S Memahami [3 *markah*]

(b) Buku Teks ms. 179
Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah mengenai Sayidatina Fatimah r.a..

No.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(i)	Beliau dilahirkan di Mekah.	✓
(ii)	Suami beliau ialah Sayidina Ali bin Abu Talib.	✓
(iii)	Beliau merupakan puteri sulung Rasulullah SAW.	✗

Aras R Mengingat [3 *markah*]

(c) Buku Teks ms. 181
Sayidatina Khadijah r.a. merupakan sebaik-baik wanita dalam Islam.
Jelaskan **empat** iktibar daripada keperibadian Sayidatina Khadijah r.a..

(i) Kita hendaklah bertindak dengan bijak.

(ii) Kita hendaklah suka membantu.

(iii) Kita hendaklah istiqamah memperjuangkan agama Islam.

(iv) Kita hendaklah mendermakan harta di jalan Allah SWT.

Aras T Menilai [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian Akhir Sesi Akademik

UASA

Bahagian A

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

SKOR /100

1. Al-Qawiy menunjukkan bahawa Allah SWT memiliki _____ yang sempurna dan tidak dapat ditangani oleh sesiapa.

A kehidupan
B kekuasaan
C kekuatan
D kebijaksanaan

2. Dengan mengamalkan sikap suka bertanya _____ akan dapat memperkukuhkan talian persaudaraan.

A hati
B sosial
C soalan
D khabar

3. Kita wajib _____ setelah melakukan dosa.

A berubah
B bertaubat
C bermaksiat
D meneruskan

4. Antara berikut, yang manakah merupakan syarat menjadi imam?

I Makmum meyakini sahnya solat imam
II Imam boleh membaca al-Fatihah dengan baik
III Imam merupakan tuan rumah
IV Imam telah berkahwin

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

هُمْ عَنْ ءَايَٰتِنَا

5. Apakah hukum tajwid bagi kalimah bergaris di atas?

A Izhar halki
B Izhar syafawi
C Ikhfak syafawi
D Idgham maal ghunnah

6. Manusia diciptakan tanpa memiliki _____.

A roh
B hati
C jasad
D sayap

7. Antara berikut, yang manakah perkara sunat ketika sahur?

I Melewatkan sahur
II Mempercepatkan waktu sahur
III Bersahur dengan kuantiti yang banyak
IV Mandi junub sebelum fajar jika berjunub

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

8. Antara berikut, yang manakah contoh solat sunat rawatib?

I Solat sunat dua rakaat sebelum solat subuh
II Solat sunat tahiyatul masjid
III Solat sunat witir
IV Solat sunat dua rakaat selepas solat maghrib

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

9. Dakwah secara sulit Rasulullah SAW mengambil masa selama _____ tahun.

A dua
B tiga
C empat
D lapan

10. Allah SWT akan sering menggantikan kulit manusia yang terbakar dengan baharu bagi merasakan manusia dengan _____ yang berterusan.

A azab
B hadis
C sunah
D perasaan

11. Rukun khutbah hendaklah disampaikan dalam bahasa _____.

A Arab
B Melayu
C Cina
D Nasrani

12. Ibu yang mengandung atau menyusukan anaknya yang bimbang akan kesihatan anaknya.

Pernyataan di atas merujuk kepada golongan yang diharuskan berbuka puasa namun wajib _____ puasa.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

A qada
B fidyah
C qada dan fidyah
D qada dan kafarah

13. Apakah hukum melaksanakan solat sunat witir satu rakaat?
A Harus
B Makruh
C Sunat
D Haram

14. Siapakah tokoh wanita Islam yang telah meriwayatkan tidak kurang daripada 2210 hadis Rasulullah SAW?
A Sayidatina Aisyah r.a.
B Sayidatina Khadijah r.a.
C Sayidatina Fatimah r.a.
D Sayidatina Sumayya r.a.

Berkahwin dengan Sayidina Ali r.a..

15. Berdasarkan pernyataan di atas, siapakah tokoh wanita tersebut?
A Sayidatina Aisyah r.a.
B Sayidatina Khadijah r.a
C Sayidatina Fatimah r.a.
D Sayidatina Sumayyah r.a.

16. Siapakah yang telah diangkat sebagai tokoh perniagaan wanita yang kaya dan berjaya?
A Sayidina Aisyah r.a.
B Sayidina Fatimah r.a.
C Sayidina Khadijah r.a.
D Sayidina Sumayyah r.a.

17. Malu merupakan cerminan diri _____ seseorang.
A hidup
B maruah
C kehidupan
D kebahagiaan

18. Antara berikut, yang manakah cara beradab kepada ibu bapa dan keluarga dari aspek percakapan?
I Bersopan santun
II Menidakkan perkara yang betul
III Menziarahi mereka selalu
IV Menggunakan suara yang lembut
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

19. Jiran yang bukan Islam hanya mendapat hak sebagai _____ sahaja.
A kawan
B tetamu
C jiran
D pembantu

20. Langkah dengan kaki _____ ketika hendak masuk ke dalam masjid, manakala langkah dengan kaki _____ ketika keluar dari masjid.
A kiri, kanan
B kanan, kiri
C kanan, kanan
D kiri, kiri

Bahagian B

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. (a) Firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَكُم بَيۡنَكُم بِٱلۡبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٖ مِّنكُمۡۚ وَلَا تَقۡتُلُوٓاْ أَنفُسَكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُمۡ رَحِيمٗا ٢٩

(Surah an-Nisaa': 29)

Ayat di atas menjelaskan cara pengurusan amanah yang diberikan oleh Allah SWT.
Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang tepat.

batil	rezeki	menipu	boros	berhemah

(i) Mengambil harta orang secara _____batil_____ akan mencetuskan pergaduhan.

(ii) Islam melarang _____boros_____ dalam jual beli.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(iii) Kita hendaklah berbelanja secara berhemah.

(iv) Umat Islam hendaklah berusaha mencari rezeki yang halal.

[4 *markah*]

(b) Jelaskan **satu** sebab larangan membinasakan diri dan orang lain.

Menggugat keharmonian hidup.

[2 *markah*]

> Salah satu matlamat utama pensyariatan Islam (Maqasid Syariah) adalah untuk menjaga akal dan menjaga nyawa.

(c) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah amalan menyalahgunakan dadah boleh merosakkan prinsip Maqasid Syariah tersebut?

Penyalahgunaan dadah akan menyebabkan sistem saraf dan otak manusia rosak secara kekal. Perkara ini mengakibatkan seseorang hilang pertimbangan diri sehingga sanggup melakukan jenayah berat seperti membunuh dan mencuri. Tindakan ini jelas melanggar larangan Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang melarang manusia mencampakkan diri ke dalam kebinasaan. Oleh itu, umat Islam wajib menghindari najis dadah agar keselamatan diri dan keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara.

[4 *markah*]

2. (a) Sabda Rasulullah SAW:

> عَنْ أَبِيْ سَعِيدِ الخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ ﷺ يَقُوْلُ: مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا، فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذٰلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.
>
> (Hadis Riwayat Muslim)

Hadis di atas menjelaskan kewajipan umat Islam dalam mencari perkara yang halal.
Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.

Ciri-ciri hati yang bersih dari aspek iman

(i) Mematuhi segala perintah Allah SWT	Gementar hati apabila disebut nama Allah SWT	(ii) Sabar dan tenang dengan ujian daripada Allah SWT

[2 *markah*]

(b) Terangkan **dua** ciri hati yang kotor dari aspek iman.

(i) Berkeluh-kesah.

(ii) Sentiasa tertarik dengan nafsu keduniaan.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Tuliskan semula perkataan di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

(i)	Nafsu	(iii)	Nasab
(ii)	Syubhah	(iv)	Kesihatan

(i) نفسو

(ii) شبهة

(iii) نصب

(iv) كصيحتن

[4 *markah*]

Bahagian C

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

3. (a) Tuliskan nama malaikat bagi tugas berikut dengan pilihan jawapan yang betul.

Mikail a.s.	Atid a.s.	Israfil a.s.	Izrail a.s.

(i) Mengurus rezeki. — Mikail a.s.

(ii) Meniup sangkakala. — Israfil a.s.

(iii) Mencatat amalan buruk manusia. — Atid a.s.

(iv) Mencabut nyawa semua makhluk. — Izrail a.s.

[4 *markah*]

(b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Allah SWT menurunkan (10 / 30) buah suhuf kepada Nabi Idris a.s..

(ii) Umat Islam (wajib / sunat) beriman kepada kitab Allah SWT.

(iii) Kitab (Injil / Taurat) diturunkan kepada Nabi Isa a.s..

(iv) Al-Quran dapat membentuk masyarakat yang berperibadi (mulia / jahat).

[4 *markah*]

(c) Senaraikan **dua** proses kejadian manusia.

• Nutfah

• Alaqah

[2 *markah*]

(d) Padankan dengan aspek yang betul.



[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(e) Nyatakan **satu** bukti Allah SWT bersifat Al-Qawiy.

Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT kerana menyedari kehebatan menciptakan malaikat.

[2 *markah*]

Malaikat sentiasa mendoakan keampunan dan membentangkan sayap menaungi orang yang keluar menuntut ilmu.

(f) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah keimanan kepada tugasan malaikat ini boleh memotivasikan seorang murid untuk terus belajar walaupun menghadapi subjek yang sukar?

Keimanan kepada malaikat akan memberikan ketenangan jiwa dan semangat yang tinggi kepada murid. Hal ini kerana murid tahu bahawa usaha mereka menuntut ilmu sentiasa diredai dan didoakan kebaikan oleh para malaikat. Keadaan ini sekali gus menjadikan cabaran belajar sebagai satu bentuk ibadah yang diberkati. Kesannya, murid tidak mudah berputus asa dan sentiasa tekun mengulang kaji pelajaran.

[4 *markah*]

Bahagian D

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

4. (a) Nyatakan **dua** syarat sah solat Jumaat.

(i) Didirikan di masjid.

(ii) Didirikan secara berjemaah.

[2 *markah*]

(b) Pilih hukum yang betul bagi situasi di bawah.

Makruh	Sunat	Haram	Tidak sah	Harus

(i) Murad mendirikan solat Jumaat secara bersendirian. — Haram

(ii) Ziha memotong kuku pada hari Jumaat. — Sunat

(iii) Puasa sepanjang tahun. — Haram

(iv) Danial melewatkan sahurnya. — Sunat

[4 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah amalan menjaga pancaindera ketika berpuasa mampu menyumbang kepada keharmonian masyarakat digital hari ini?

Pada pendapat saya, amalan penjagaan tersebut dapat menyekat penularan berita palsu dan komen berbaur fitnah. Hal ini kerana umat Islam dilatih untuk menjaga lisan dan jari-jemari daripada menulis perkara yang mengurangkan pahala puasa. Keadaan ini sekali gus dapat mengelakkan berlakunya pergaduhan dan salah faham di platform media sosial. Oleh itu, kawalan kendiri ini dapat melahirkan komuniti digital yang saling menghormati dan harmoni.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(d) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah mengenai solat ketika sakit.

No.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(i)	Solat secara duduk tidak sah bagi orang yang mampu solat berdiri.	✓
(ii)	Solat secara duduk boleh dilakukan secara duduk di atas kerusi.	✓
(iii)	Rukuk dilaksanakan dengan menegakkan kepala ketika solat secara mengiring.	✗

[3 *markah*]

(e) Jelaskan **dua** hikmah solat Jumaat.

(i) Melaksanakan salah satu ajaran Islam, iaitu solat Jumaat.

(ii) Melatih umat Islam supaya bersatu.

[4 *markah*]

(f) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Hukum solat Jumaat ialah (wajib / sunat) bagi lelaki mukalaf.

(ii) Membaca surah al-Kahfi merupakan salah satu perkara (wajib / sunat) pada hari Jumaat.

(iii) Solat fardu (isyak / maghrib) boleh diqasarkan.

[3 *markah*]

Bahagian E

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

5. (a) Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.



[3 *markah*]

(b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah mengenai iktibar daripada kepimpinan Rasulullah SAW.

No.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(i)	Memelihara hubungan baik dan bantu-membantu sesama rakan tanpa mengira kaum dan agama.	✓
(ii)	Tidak berdisiplin dan melanggar peraturan yang ditetapkan oleh syarak.	✗
(iii)	Mengimarahkan masjid dengan menyertai aktiviti masjid.	✓

[3 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Rasulullah SAW telah melakukan perjanjian Baiatul Aqabah Pertama dan Kedua dengan penduduk Yathrib.
Senaraikan **empat** isi kandungan Baiatul Aqabah Pertama.

(i) Tidak menyekutukan Allah SWT.

(ii) Tidak mencuri.

(iii) Tidak berzina.

(iv) Tidak membunuh anak.

[4 *markah*]

(d) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

perasaan	ibadat	iman	ulama	fitrah

(i) Malu menunjukkan tahap ___iman___ seseorang.

(ii) Malu dari segi bahasa bermaksud kembali kepada ___fitrah___ dan rasa segan.

(iii) Rasulullah SAW banyak melakukan ___ibadat___ sebagai tanda malu kepada Allah SWT.

(iv) Salah satu malu yang dilarang dalam Islam ialah malu mendampingi ___ulama___.

[4 *markah*]

Hadis daripada Anas bin Malik r.a. sabda Nabi Muhammad SAW:

Maksudnya: *"Berilah khabar gembira kepada orang-orang yang berjalan dalam kegelapan menuju ke masjid dengan cahaya yang sempurna pada hari kiamat".*

(Riwayat Ibn Majah)

(e) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda mengimarahkan masjid dalam kehidupan harian? Huraikan.

Saya akan mengimarahkan masjid dengan sentiasa mengikut ayah ke masjid untuk menunaikan solat fardu pada setiap hari. Selain itu, saya juga akan mengikut serta aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid seperti ceramah agama, gotong-royong dan sebagainya. Oleh itu, kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan masjid sehingga menjadikannya sebagai amalan tetap dalam kehidupan seharian.

[4 *markah*]

(f) Jelaskan **dua** kewajipan berjiran yang perlu diamalkan dalam kehidupan.

(i) Bertegur sapa.

(ii) Berbuat baik dan tidak menyakiti.

[2 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jawapan

Pelajaran 1

1. Murid baca dengan betul, lancar dan bertajwid

2. (a) تُزِغْ
(b) هَدَيْتَنَا
(c) إِنَّكَ

3. (a) 4
(b) 1
(c) 2
(d) 6

4. (a) Umat Islam hendaklah selalu berdoa agar ditetapkan hati dalam hidayah Allah SWT
(b) Allah SWT meneguhkan hati Mukmin dalam keimanan sebagai tanda rahmat dan kasih sayang-Nya
(c) Allah SWT akan memberikan hidayah kepada hamba-Nya yang terpilih
(d) Umat Islam tidak dijamin sentiasa berada dalam landasan hidayah Allah SWT

5. (a) 2
(b) 3
(c) 1

6. Aktiviti murid

Praktis Masteri 1

Bahagian A

1. D
2. B

1. (a) (i) 4
(ii) 1
(iii) 6
(iv) 2

(b) (i) 2
(ii) 1
(iii) 3

(c) سكليليغ، برصحابت، كباءيقن، منصيحتي

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.